

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 7 (9)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2018-2020)
BILANGAN 6 TAHUN 2020**

Tarikh : 29 Julai 2020 (Rabu).
Masa : 10.30 Pagi – 12.40 Tengahari.
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran.

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 11 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Julai 2020.

3. PERUTUSAN YBHG. DATUK PENERUSI

YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan salam dan selamat pagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke Mesyuarat Majlis bilangan 6 Tahun 2020. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan semua warga kerja Majlis yang sentiasa memberikan kerjasama yang padu dan komitmen yang tinggi kepada Majlis bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berjalan lancar dan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

3.1 MUSIM HUJAN DAN BANJIR KILAT

YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa pada masa ini musim hujan menyebabkan banjir kilat. Oleh itu, beliau meminta agar jabatan-jabatan yang terlibat terutamanya Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam agar memantau lokasi yang telah dikenalpasti kerap berlaku banjir. Longkang-longkang juga harus dipastikan berada di dalam keadaan baik bagi mengelakkan pembuangan sampah dan longkang tersumbat seterusnya menyebabkan banjir kilat. Kerja-kerja turapan jalan juga

harus dipantau dan tidak diteruskan kerja-kerja ini semasa hujan yang memberikan kesan kepada kualiti turapan dan seterusnya menyebabkan kerosakan yang lebih cepat.

3.2 **ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) 2020**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan dinilai oleh panel penilai Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) 2020 pada 25 Ogos 2020 bersamaan hari Selasa. Seperti mana yang sedia maklum, PBT merupakan sebuah agensi yang terlibat secara langsung dengan perkhidmatan yang diperlukan oleh penduduk di kawasan pentadbirannya. Ekspektasi penduduk berbeza dari satu PBT dengan PBT yang lain. MBPJ yang mentadbir kawasan bandar raya Petaling Jaya semestinya berhadapan dengan pelbagai kerenah dan kehendak masyarakat elit yang sentiasa mahukan perkhidmatan yang cekap dan efisien.

Penilaian APPC ini juga merupakan penilaian tahap penyampaian perkhidmatan pihak berkuasa tempatan di seluruh negara berdasarkan keupayaan, daya saing dan kapasiti PBT masing-masing setiap tahun.

Keutamaan dan tumpuan utama MBPJ adalah untuk meningkatkan lagi daya usaha bagi mencapai tahap yang lebih baik selaras dengan aspirasi rakyat terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis. Selain daripada menguruskan pembangunan bandar, perkhidmatan asas seperti pengurusan sampah, pembaikan longkang, penurapan jalan, pembaikan lampu jalan dan pembaikan lampu isyarat sentiasa diberi keutamaan untuk memastikan penduduk Petaling Jaya hidup dalam keadaan selesa.

Selain itu juga, amalan budaya menyelenggara adalah komitmen jitu Majlis bagi meningkatkan lagi kerja-kerja menyelenggara seperti menurap semua jalan, membaiki dan menaik taraf sistem saliran di kawasan-kawasan lama, menaik taraf saliran utama bagi mengatasi masalah banjir kilat dan lain-lain. Majlis juga akan memastikan kualiti kerja-kerja pembersihan dan kutipan sisa pepejal juga akan diberi tumpuan.

Oleh itu, Majlis berharap dapat mengekalkan kecemerlangan seperti tahun-tahun sebelum ini. Penilaian ini bukanlah satu pengiktirafan. Keutamaan dan tumpuan Majlis adalah meningkatkan lagi usaha untuk mencapai tahap yang lebih baik dan berkesan selaras dengan aspirasi rakyat terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh MBPJ.

Selain daripada itu, berdasarkan kriteria yang telah dikenal pasti dan pemarkahan yang bakal diberikan nanti adalah bersesuaian dengan keupayaan dan cabaran di dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada penduduk Petaling Jaya.

3.3 **PEMBUKAAN LALUAN KELUAR DARI DAMANSARA DAMAI PJU 10/10G KE LEBUH RAYA BAHARU LEMBAH KLANG (NKVE)**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kerjasama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan MRT telah membuka laluan keluar baharu Damansara Damai ke Lebuhraya Baharu Lembah Klang bagi mengatasi kesesakan Lalulintas yang sering berlaku khususnya pada waktu puncak iaitu pagi ketika orang ramai ke tempat kerja dan menghantar anak ke sekolah dan di sebelah petang apabila pulang dari kerja.

Sebelum pembukaan laluan keluar ini siap, penduduk Damansara Damai hanya mempunyai satu laluan keluar masuk sahaja iaitu di Jalan PJU 10/1 dengan Jalan Kuala Selangor. Dengan pembukaan laluan keluar alternatif kedua dari Damansara Damai (PJU 10/10G) ke Lebuhraya Baharu Lembah Klang (NKVE) ini, ia dilihat dapat mengurangkan kesesakan Lalulintas di kawasan ini.

Pembinaan projek laluan ini menelan kos belanja sebanyak RM 5.05 juta dan dipantau oleh Jabatan Kejuruteraan MBPJ. Jajaran jalan sepanjang 190 meter telah dibina dalam PLUS ("Right of Way") dan 44 meter jalan adalah sempadan MBPJ. Justeru, dengan adanya laluan baru ini, penduduk Damansara Damai dapat meneruskan perjalanan kerja dengan lebih teratur dengan masa yang menjimatkan.

3.4 **"ONE STOP CENTRE 3.0 PLUS ONLINE"**

Sistem OSC 3.0 Plus Online secara asasnya telah dirasmikan oleh YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 14 Oktober 2019 yang lalu di Konvensyen Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bertempat di SPICE Convention Centre, Pulau Pinang.

Melalui ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke-22/2020 yang bersidang pada 17 Jun 2020 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke-23/2020 pada 24 Jun 2020 berkenaan dengan keputusan Cadangan Pelaksanaan Manual OSC 3.0 Plus di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor di mana perkara yang diluluskan adalah :

- a) Bersetuju agar pemakaian Manual OSC 3.0 Plus di semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor mulai 1 Januari 2021.
- b) Bersetuju agar semua Pihak Berkuasa Tempatan perlu melaksanakan latihan dan Sistem OSC 3.0 Plus Online sebelum pemakaian Manual OSC 3.0 Plus di semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor pada 1 Januari 2021.

Di antara kebaikan pelaksanaan OSC 3.0 Plus online adalah setiap permohonan boleh dipantau dan *tracking* statusnya secara online dalam satu paparan sahaja. Ini bermakna, tarikh menerima permohonan, tarikh pemberian ulasan, tarikh dibawa ke Mesyuarat OSC dan tarikh diberi kelulusan (surat pengesahan) akan dilihat dalam satu paparan.

Pelaksanaan OSC 3.0 Plus Online juga akan memastikan setiap agensi sama ada agensi teknikal dalaman atau luaran dapat memberi ulasan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebanyak 14 hari. Agensi atau pegawai yang tidak memberi ulasan akan menerima surat peringatan daripada Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan.

Di Majlis Bandaraya Petaling Jaya, **Go-live Sistem OSC Online 3.0 Plus 2020** telahpun bermula pada **27 Julai 2020** setelah 3 sesi *Teach In System* telah dijalankan melibatkan Agensi Teknikal Dalaman dan Luaran termasuk pentadbir sistem Unit OSC MBPJ.

Pelaksanaan Sistem OSC Online 3.0 Plus diharap dapat mencapai aspirasi Kerajaan untuk mempertingkatkan kecemerlangan dan kecekapan sistem penyampaian di peringkat kerajaan tempatan, khususnya dalam aspek *Approval Process*, di dalam kawasan MBPJ.

3.5 INISIATIF BANDAR BEBAS HALANGAN DI PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memulakan agenda '**Bandar Bebas Halangan**' bermula sejak tahun 2000. Perancangan dan pelaksanaan inisiatif ini berdasarkan **Pelan Induk Reka Bentuk Sejagat Petaling Jaya 2030 dan Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat Petaling Jaya**. Perancangan dan pelaksanaan ini adalah meliputi akses Orang Kelainan Upaya (OKU) kepada Bangunan dan Infrastruktur, Taman Awam dan Rekreasi, Pengangkutan, Informasi, Komunikasi dan Teknologi Maklumat, Perumahan dengan ciri reka bentuk sejagat serta Polisi dan Advokasi.

Berdasarkan ini, Majlis telah membentuk *Universal Design Team* yang dianggotai oleh kakitangan teknikal Majlis dalam bersama-sama membuat pemantauan melalui proses audit akses di bangunan-bangunan sedia ada dan projek-projek pembangunan baru yang dilaksanakan oleh Majlis dan pihak swasta.

Sehingga kini, pelbagai perkhidmatan dan inisiatif yang telah disediakan oleh Majlis bagi kegunaan dan kemudahan OKU di seluruh Petaling Jaya. Antara lain adalah seperti **Tempat Letak Kereta (TLK) OKU**. Bilangan penyediaan TLK OKU di seluruh Petaling Jaya adalah sebanyak 251 lot merangkumi di Seksyen 43 lot, PJU 93 lot, PJS 75 lot dan SS 40 lot.

Selain itu, projek **menaik taraf di pusat bandar kepada bebas halangan** yang telah bermula sejak 2006 masih lagi giat dijalankan. Pada tahun yang lalu, di sekitar Pusat Bandar Seksyen 52, Majlis

Bandaraya Petaling Jaya telah menyediakan 13 tempat letak kereta OKU dan 41 unit *ramp*. Manakala bagi projek Bandar Bebas Halangan pada tahun ini pula melibatkan 14 tempat letak kereta OKU dan *ramp* di sekitar kawasan komersial di Seksyen 6, 11, 20, 21, dan PJU 1A. Projek naik taraf ini juga turut dilaksanakan di SS2.

Majlis turut memperkenalkan **Pelekat Kenderaan OKU** sejak tahun 2012. Bagi sebarang permohonan pelekat kenderaan, pemohon/wakil perlu kemukakan maklumat pemohon ke Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan seperti kad OKU, geran kenderaan, lesen pemandu serta gambar berukuran pasport. Sehingga kini, terdapat hampir 1000 keping pelekat telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan kepada OKU yang layak.

Majlis juga menyediakan **Van Transit OKU**. Sebanyak 2 buah van transit OKU disediakan bagi khidmat menghantar dan mengambil OKU pada setiap hari bekerja sahaja bermula jam 9.00 pagi sehingga 5 petang.

Perkhidmatan ini mengikut konsep '*First Come First Serve*'. Kapasiti OKU berkerusi roda bagi setiap van adalah seramai 2-3 orang mengikut saiz kerusi roda. OKU juga mestilah penduduk dan tinggal di Petaling Jaya dan keutamaan yang tinggal di kawasan perumahan kos rendah, PPR dan pusat jagaan.

Permohonan untuk menggunakan perkhidmatan ini adalah melalui tempahan secara panggilan telefon, 03-79560203, ke Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan melalui Bahagian Khidmat Komuniti Dan Pembangunan Modal Insan. Transit van OKU ini juga hanya boleh digunakan untuk ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Hospital Assunta, Hospital Tun Hussein Onn, Hospital & Klinik panel Majlis, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan PERKESO. Namun, keutamaan diberikan kepada OKU yang hendak mendapatkan rawatan di hospital berdekatan. Walau bagaimanapun, Majlis berhak membuat keputusan muktamad terhadap semua permohonan penempahan transit van OKU.

Bagi projek membina dan menaik taraf aksesibiliti kemudahan, taman awam dan infrastruktur pula akan dititikberatkan dan akan menjalani akses bagi memastikan ciri reka bentuk sejagat dipatuhi sepenuhnya. Ini adalah merangkumi **Taman Awam, Hab Pengangkutan, Kemudahan Awam, Infrastruktur** (Laluan pejalan kaki '*one way loop*' Seksyen 52 dan lain-lain laluan pejalan kaki di sekitar Petaling Jaya) **Medan Selera** (Medan Selera PJS 6 dan Gerai Seksyen 8).

Bagi **perkhidmatan bas percuma (Free PJCity Bus)** pula, bas bercirikan '*universal design*' dan PJCity Bus Apps telah diperkenalkan. Perkhidmatan bas percuma PJCity Bus yang telah disediakan Majlis sejak tahun 2014 meliputi 30 buah bas diesel dan 2 buah bas elektrik. Kesemua bas percuma ini dilengkapi dengan *ramp*, ruang pengguna

kerusi roda dengan tali pinggang keledar, logo OKU, 'handrail' dan setiap pemandu adalah terlatih untuk mengendalikan penumpang OKU.

Bas juga ditandakan dengan pelekat OKU untuk kemudahan pengguna OKU. Manakala, PJ City Bus Apps pula berfungsi untuk memudahkan pengguna untuk mendapatkan perkhidmatan secara lebih efisien dan sesuai digunakan untuk semua golongan termasuk OKU.

3.6 JADUAL OPERASI KAUNTER PERKHIDMATAN DAN KAUNTER EZ-PAY BAGI BULAN JULAI DAN OGOS 2020

Majlis Bandaraya Petaling Jaya ingin memaklumkan bahawa waktu operasi kaunter perkhidmatan Majlis sepanjang bulan Julai dan Ogos 2020 akan bermula pada jam 7.30 pagi sehingga 5.30 petang. Kaunter perkhidmatan tersebut akan dibuka pada hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). Waktu operasi kaunter perkhidmatan juga dibuka pada waktu rehat **kecuali** pada hari Jumaat yang akan ditutup sementara pada pukul 12.15 tengah hari hingga 2.45 petang. Berikut adalah jadual kaunter-kaunter perkhidmatan utama Majlis:

	LOKASI	WAKTU OPERASI
1)	Kaunter Ibu Pejabat MBPJ Tingkat Bawah, Ibu Pejabat MBPJ Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya	7.30 pagi - 5.30 Petang
2)	Kaunter Menara, MBPJ Ruang Legar, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya	7.30 pagi - 5.30 Petang
3)	Kaunter Pejabat Cawangan Petaling Jaya Utara No. 19-1, Jalan Pekaka, 8/1D, PJU, Prestij Kota Damansara 47310 Petaling Jaya.	8.00 Pagi - 5.00 Petang
4)	Kaunter Pandu Masuk Ibu Pejabat Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya.	8.30 Pagi - 4.00 Petang

Dalam pada itu, Majlis juga akan membuka kaunter bergerak EZ-Pay pada setiap hari Sabtu dan Ahad bermula 4 Julai hingga 30 Ogos 2020. Pembukaan kaunter ini adalah untuk memudahkan orang awam untuk membuat pembayaran cukai atau kompaun di lokasi yang telah ditetapkan. Berikut adalah senarai lokasi dan jadual kaunter EZ-Pay pada bulan Julai dan Ogos 2020:

SULIT

TEMPAT	TARIKH	MASA
1) Sri Damansara SD 12/1	4.07.2020 - 5.07.2020 (Sabtu - Ahad) 8.08.2020 - 09.08.2020 (Sabtu - Ahad)	10.00 pagi hingga 3.00 petang
2) Sri Damansara SD2/1G (Berhampiran kedai tayar STH Auto Services Centre)	11.07.2020 - 12.07.2020 (Sabtu - Ahad) 15.08.2020 - 16.08.2020 (Sabtu - Ahad)	
3) Taman Megah SS24 (Berhampiran Pasar Pagi)	18.07.2020 - 19.07.2020 (Sabtu - Ahad) 22.08.2020 - 23.08.2020 (Sabtu - Ahad)	
4) Kelana Jaya, Jalan SS6 (Berhadapan Giant Lama Kelana Jaya)	25.07.2020 - 26.07.2020 (Sabtu - Ahad) 29.08.2020 - 30.08.2020 (Sabtu - Ahad)	

Dengan adanya hebahan ini akan dapat memudahkan masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya untuk membuat pembayaran cukai, kompaun dan lain-lain urusan. Kaedah bayaran yang boleh diterima di semua kaunter perkhidmatan dan kaunter EZ-Pay adalah kad kredit / debit, cek, dan tunai.

3.7 KAWALAN KESIHATAN: SITUASI KES DEMAM DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi yang dilaporkan pada minggu epid ke 29/2020 adalah sejumlah **2,900 kes** yang dilaporkan. Laporan kes demam denggi ini menunjukkan penurunan sebanyak 50 peratus berbanding tahun 2019 sebanyak 4,349 kes.

Jumlah lokaliti hotspot yang aktif dilaporkan sehingga ME 29 (18 Julai 2020) di kawasan pentadbiran MBPJ adalah sebanyak 4 lokaliti, manakala hotspot terkini dilaporkan pada ME 30 (23 Julai 2020) sejumlah 4 lokaliti wabak. 1 kes kematian dilaporkan pada tahun 2020.

Walaupun bagaimanapun, jumlah ini merupakan jumlah yang **terendah** berbanding 2 PBT yang lain di daerah Petaling. MBPJ merekodkan sejumlah **2,900 kes**, MBSA 4,082 kes dan MPSJ 4,656 kes.

Perbandingan Kes Demam Denggi Minggu Epid

BIL.	BILANGAN HOTSPOT ME 27(04/07/2020)	BIL.	BILANGAN HOTSPOT ME 28 (11/07/2020)	BIL. KES	JUM. HARI WABAK
1	BL PJU 10 APT HARMONI 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R) (TAMAT PADA 22/07/2020)	1	KT SS 1 TERES B	17	39
2	KT SS 1 TERES B	2	KT SS 2 (CASA DAMANSARA)	13	56
3	KT SS 2 (CASA DAMANSARA)	3	SRI PJU 1A PACIFIC PLACE	25	46
4	SRI PJU 1A PACIFIC PLACE	4	SRI PJU 1A PUNCAK SRI KELANA KONDO (MULA 18/07/2020)	14	35

3.8 OPERASI PENGUATKUASAAN : MEMBANTERAS AKTIVITI PENIAGA WARGA ASING

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan operasi bersepadu penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti-aktiviti perniagaan yang dikendalikan atau dipelopori oleh warga asing di sekitar Petaling Jaya. Semakan yang dilaksanakan merangkumi aktiviti-aktiviti perniagaan tred, penjaja dan pasar awam di lokasi-lokasi hotspot yang telah dikenal pasti. Hasil daripada operasi yang telah dijalankan pada tahun ini sehingga 22 Julai 2020, sebanyak 45 operasi bersepadu dalaman dan luaran, 177 tindakan sitaan dan 33 tindakan penutupan telah dilaksanakan dibawah Akta dan Undang-Undang Kecil berkaitan. Operasi-operasi dan tindakan penguatkuasaan seperti ini akan diteruskan lagi bagi memastikan tiada penglibatan warga asing di dalam aktiviti-aktiviti yang dilarang oleh pihak berkuasa.

3.9 PENGHARGAAN KEPADA "FRONTLINERS"

YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah menghargai sumbangan dan kerja kuat "frontliners" di kalangan kakitangan Majlis. Kerajaan Negeri telah memberikannya sebanyak RM176,000 kepada 668 warga kerja MBPJ yang terlibat semasa tempoh PKP yang pertama sehingga sekarang.

3.10 **SITUASI COVID-19**

YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pada 28 Julai 2020, kes Covid-19 adalah antara yang tertinggi dalam tempoh PKPP iaitu sebanyak 39 kes. Oleh itu, semua warga MBPJ dan penduduk Petaling Jaya diseru agar mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Ini adalah kerana jika SOP tidak dipatuhi kemungkinan akan ada gelombang kedua yang lebih teruk yang berlaku sejak Mac 2020 yang lalu. YBhg. Datuk Pengerusi berharap agar semua pihak patuh kepada SOP yang telah ditetapkan dan seterusnya berharap Petaling Jaya bebas dari wabak Covid-19 gelombang kedua atau gelombang-gelombang seterusnya.

3.11 **SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN**

Sambutan Bulan Kemerdekaan tahun 2020 telah dilancarkan serentak oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan pada 28 Februari 2020 yang lalu dan tema kemerdekaan pada tahun ini adalah Malaysia Prihatin. YBhg. Datuk Pengerusi berharap agar Ahli Majlis dan masyarakat di luar sana untuk sama-sama memasang bendera sebagai tanda sambutan sempena kemerdekaan negara yang akan jatuh pada tanggal 31 Ogos 2020. Oleh kerana sambutan pada tahun ini agak kurang meriah, bendera akan dibekalkan kepada pejabat Ahli-Ahli Majlis. Selain itu, peniaga, pemilik premis dan orang ramai diseru agar komited untuk mengibarkan bendera dan seterusnya menjadikan sambutan lebih meriah.

3.12 **MAJLIS ANGKAT SUMPAAH AHLI MAJLIS ENCIK RIDZUAN BIN HJ. AHMAD@AWANG**

Kerajaan Negeri Selangor telah membuat keputusan untuk melantik Encik Ridzuan bin Hj. Ahmad@ Awang bagi menggantikan tempat yang dikosongkan oleh Puan Nurainie Haziqah bt. Shafi'i berkuatkuasa pada 1 Ogos 2020. Bagi pihak Majlis, YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Puan Nurainie Haziqah bt. Shafi'i di atas sumbangan beliau di dalam meningkatkan perkhidmatan Majlis kepada seluruh masyarakat Petaling Jaya dalam kawasan Petaling Jaya. YBhg. Datuk Pengerusi seterusnya mengalu-alukan kehadiran Ahli Majlis yang baru iaitu Encik Ridzuan bin Hj. Ahmad@ Awang. Majlis Angkat Sumpah beliau sebagai Ahli Majlis akan diadakan pada 5 Ogos 2020 ini.

Sebagai mengakhiri Perutusan beliau, YBhg. Datuk Pengerusi mewakili seluruh warga kerja MBPJ mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua dan seluruh warga Petaling Jaya yang menyambut Hari Raya Aidil Adha. YBhg. Datuk Pengerusi berharap perayaan ini dapat memberi makna yang besar buat kita semua dalam menghayati pengorbanan dan menjalani kehidupan yang lebih baik.

4. **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**
- 4.1 **MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 5 TAHUN 2020 (PENGAL 2018/2020).**
- 4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis Bilangan 5 Tahun 2020 bagi pengal 2018/2020 bertarikh 29 Jun 2020 disahkan tanpa pindaan.
5. **LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 5 TAHUN 2020 (PENGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 29 JUN 2020.**

RUJUKAN MINIT	PERKARA	TINDAKAN YANG DIAMBIL
5.2 (vii)	<p>LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT KHAS MAJLIS YANG TELAH DIADAKAN PADA 29 MEI 2020.</p> <p>i) Mesyuarat juga bersetuju melantik Jawatankuasa Khas Pasar untuk mengkaji dan membincangkan isu-isu berkenaan dengan kadar sewa di pasar-pasar awam lain. Minit mesyuarat Jawatankuasa Khas Pasar ini akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan untuk pertimbangan dan minit mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan akan dibawa ke Mesyuarat Majlis untuk pertimbangan</p>	<p>Minit mesyuarat Jawatankuasa Kecil Khas Pasar Jalan Othman Bil. 4 Tahun 2020 yang telah diadakan pada 7 Julai 2020 dibentangkan untuk pertimbangan dan pengesahan seperti dilampiran.</p> <p>Ahli Majlis, En Derek John Fernandez, membangkitkan mengenai anggaran kos kepada Majlis(yang sehingga kini masih lagi tiada) untuk menaiktaraf pasar supaya memenuhi undang-undang Majlis berkaitan kesihatan.</p> <p>YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa kos pembaikan ini (akan dilakukan mengikut seksyen yang paling kritikal dahulu) akan dibawa ke Mesyuarat Pemeriksaan Bajet bulan Ogos 2020 ini.</p> <p>Berhubung isu Pasar Jalan Othman ini, terdapat percanggahan pendapat di antara Ahli-ahli Majlis di mana Ahli Majlis En Suriase a/l Gengiah bertanyakan apabila menggunakan peruntukan awam untuk kerja-kerja penambahbaikan pasar, adakah</p>

	<p>dan pengesahan Mesyuarat Majlis.</p>	<p>perkara ini perlu mendapat kelulusan dari YB Exco.</p> <p>Ahli Majlis Encik Terence Tan Teck Seng pula tidak bersetuju penggunaan peruntukan awam untuk kerja-kerja penambaaian pasar dan perlu mendapat kelulusan YB Exco dahulu sebelum kerja-kerja dilaksanakan.</p> <p>YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa dalam keadaan tertentu, pihak Majlis adalah bertanggungjawab kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri boleh menasihati tetapi keputusan adalah berbalik kepada pihak Majlis. Walaupun begitu, ada keputusan yang Kerajaan Negeri buat dan pihak Majlis harus melaksanakannya.</p> <p>Berhubung isu pembaikan Pasar Jalan Othman, pihak Majlis akan mengambilkira bahan-bahan yang akan digunakan di dalam kerja –kerja penambahbaikan di pasar ini seperti penggunaan <i>stainless steel</i> dan bukan jubin untuk permukaan atas meja (<i>table top</i>) kerana <i>stainless steel</i> adalah tahan lasak berbanding jubin.</p> <p>Beliau menambah banyak lagi kemudahan majlis yang <i>below standard</i> seperti medan-medan selera. Tindakan penguatkuasaan dari aspek kebersihan akan diadakan di kemudahan-kemudahan ini. Selain daripada itu, YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan peniaga harus ada tanggungjawab untuk menjaga kebersihan dan memberi kerjasama agar kemudahan majlis berada di dalam keadaan baik. Aktiviti gotong-royong akan diadakan sebelum medan selera dan gerai-gerai ini dibuka semula.</p>
--	---	--

		<p>Ahli Majlis, Encik Terence Tan Teck Seng bersetuju dengan YBhg. Datuk Pengerusi. Selain daripada itu, beliau berpendapat adalah tidak berbaloi jika pihak Majlis membayar harga yang tinggi untuk kualiti yang rendah. Beliau berpendapat pasar berada dalam keadaan teruk dan sepatutnya diruntuhkan. Selain dari itu, beliau juga berpendapat pihak Majlis juga harus memastikan peniaga mempunyai tanggungjawab untuk menjaga kebersihan pasar ini.</p> <p>Ahli Majlis, Puan Ermeemarianna bt Saadon pula membangkitkan mengenai perkara 3.3.3 mukasurat 8 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Khas Pasar Jalan Othman Bil.4 4/2020 Kekosongan Petak di Pasar Jalan Othman.</p> <p>Beliau memaklumkan dari jumlah lot kosong sebanyak 112, sebanyak 203 permohonan telah diterima semasa proses temuduga dijalankan. Rata-rata pemohon menyatakan kadar sewa petak di Pasar Jalan Othman adalah sangat murah dan sangat munasabah.</p> <p>Memandangkan tempoh masa untuk menemuduga calon-calon adalah lama, beliau mencadangkan agar elaun diberikan kepada panel penemuduga dan pemerhati.</p> <p>Ahli Majlis, Puan Ermeemarianna bt Saadon menyatakan bahawa ada kesilapan teknikal dari segi komunikasi berkaitan dengan pembatalan lesen atas kesalahan tidak membuat ujian saringan Covid-19. Jika ini berlaku, beliau meminta agar pihak Jabatan memberikan semula lesen kepada peniaga ini.</p>
--	--	--

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.

6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 6 JULAI 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 JLD. 2(49))

6.1.1 Mesyuarat telah mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.

6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 6 JULAI 2020, 9 JULAI 2020 DAN 20 JULAI 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (88)) (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (90)) (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (92))

6.2.1 Mesyuarat telah mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Penolong Pengarah (Ukur Bahan), MBPJ.

6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) 1 BERTARIKH 9 JULAI 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7(34))

6.3.1 Mesyuarat telah mengambil maklum cadangan minit mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.

6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 13 JULAI 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (72))

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan seperti berikut:-

i) Perkara 7.4 perkara 7.4.1 muka surat 11/16 iaitu :-

Beliau mencadangkan supaya dilihat semula bajet yang diselaraskan bagi Pembersihan Rumah Terbiar kerana bajet baru yang diselaraskan hanya berjumlah RM100,000.00.

Dipinda kepada :-

Beliau mencadangkan supaya dilihat semula bajet untuk Pembersihan Rumah Terbiar kerana bajet yang dimaklumkan hanya berjumlah RM150 bagi setiap rumah dan tidak mencukupi untuk pembersihan.

ii) Perkara 7.7 perkara 7.7.1 muka surat 12/16 iaitu :-

Beliau bertanyakan bagi pihak Puan Rahibah binti Che Omar berkenaan pembelian, pemasangan dan operasi air pancut oleh pengurusan dan pemilik Plaza Kelana Jaya di Tasik Komuniti.

Dipinda kepada :-

Beliau mewakili Puan Rahibah binti Che Omar untuk memaklumkan berkenaan pembelian, pemasangan dan operasi air pancut oleh pengurusan dan pemilik Plaza Kelana Jaya di Tasik Komuniti. Pihak pengurusan Plaza Kelana Jaya dan pemilik kedai telah bersetuju untuk membeli, memasang dan menyelenggara air pancut tersebut. Mohon kelulusan mesyuarat dan mohon jabatan yang terlibat untuk mengaturkan mesyuarat berkenaan perkara ini.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.

6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 14 JULAI 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (47))

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat Jawatankuasa di atas.

Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran MBPJ.

6.6 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 15 JULAI 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (67))

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan:-

i) Perkara 4.1 perkara 4.1.1 c) iv. muka surat 7/16 iaitu :-

Kawalan perbelanjaan perubatan dengan memaklumkan keadaan pesakit dan rawatan mencecah 15,000.00 ke atas, untuk makluman dan kelulusan Bahagian Sumber Manusia.

Dipinda kepada :-

Kawalan perbelanjaan perubatan dengan memaklumkan keadaan pesakit dan rawatan mencecah RM15,000.00 ke atas, untuk makluman Bahagian Sumber Manusia.

Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ.

**6.7 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 16 JULAI 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (132))**

6.7.1 Mesyuarat telah mengambil maklum cadangan minit mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah Sumber Manusia, MBPJ

**6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 16 JULAI 2020.
(RUJ: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (43))**

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan seperti berikut :-

i) Perkara 7.1 Perkara 7.1.1 i) muka surat 10/18 iaitu :-

Beliau mewakili Ahli Majlis, Encik Farhan Haziq bin Mohamed membangkitkan isu tanah di dalam Seapark Apartment. Beliau memaklumkan bahawa beliau telah menerima satu e-mel daripada Pejabat Tanah menyatakan hak milik persendirian telah dilucut dan menjadi hak milik kerajaan.

Dipinda kepada :-

Beliau mewakili Ahli Majlis, Encik Farhan Haziq bin Mohamed membangkitkan isu tanah di dalam Seapark Apartment untuk memohon penyelenggaraan bagi jalan di dalam Seapark Apartment yang telah digazetkan sebagai tanah milik kerajaan.

ii) Perkara 7.1 Perkara 7.1.1 Perkara ii) muka surat 10/18 iaitu :-

Projek saliran di Seksyen 13 yang tergendala sejak tahun lepas. Beliau bertanyakan status siap projek fasa 1 dan 2.

Dipinda kepada :-

Meminta agar perenggan ini dipadamkan. Perkara Maklumbalas ii) muka surat 11/18 juga dipadamkan kerana telah tercatat di perkara 7.5.1 Maklumbalas muka surat 12/18.

iii) Perkara 7.6 Perkara 7.6.1 i) muka surat 12/18 iaitu :-

Beliau membangkitkan isu penyelarasan pembangunan semula di Kg. Chempaka dan terdapat kes banjir. Beliau memaklumkan isu ini telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang pada 9 Disember 2019 tetapi masih belum mendapat maklumbalas.

Dipinda kepada :-

Beliau membangkitkan isu penyelarasan pembangunan semula di Kg. Chempaka dan terdapat kes banjir. Beliau memaklumkan isu ini telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Semula Kg. Chempaka pada 9 Disember 2019 tetapi masih belum mendapat maklumbalas.

iv) Perkara 7.5 Perkara 7.5.1 i) muka surat 12/18 iaitu :-

Beliau membangkitkan isu projek saluran di Seksyen 13 yang tergendala sejak tahun lepas. Beliau bertanyakan status siap projek fasa 1 dan 2.

Dipinda kepada :-

YBhg. Datuk Pengerusi memohon supaya pemantauan yang lebih rapi dilaksanakan terutama berhubung keselamatan dan pembersihan tapak pembinaan. Ini adalah kerana menjelang musim tengkujuh dan kawasan tersebut adalah kawasan komersial.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 17 JULAI 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (45))

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perancangan Dan Pembangunan MBPJ.

CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 23 JUN 2020.**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (81))**

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan ayat seperti berikut :-

- f) Cadangan oleh Puan Rahibah binti Che Omar supaya Majlis mengenakan cukai taksiran bagi unit-unit yang tidak terjual kepada pihak pemaju bangunan tersebut. Tuan Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta telah memaklumkan bahawa bagi bangunan yang telah mendapat Sijil Menduduki, Majlis sememangnya akan mengenakan cukai taksiran kepada pemilik unit. Manakala bagi unit-unit yang tidak terjual, cukai taksiran akan dikenakan kepada pihak pemaju.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

7. UCAPAN PENANGGUHAN**7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ**

Beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Pengerusi kerana memberi peluang kepada beliau untuk membuat ucapan penangguhan kali ini.

7.1.1 PEMOTONGAN POKOK TUA DAN KESANNYA TERHADAP PROJEK INFRASTRUKTUR

Salah satu isu hangat pada masa ini yang juga merupakan isu terdahulu adalah pemotongan pokok tua untuk projek-projek infrastruktur. Ini bukanlah sesuatu perkara yang baru. Penduduk PJ mempunyai sentimen yang kuat terhadap pokok tua sama seperti saya. Pokok tua tidak boleh diganti. Walaupun kita boleh menanam banyak pokok baru, pokok tua mempunyai karakter-karakter yang istimewa seperti mempunyai ekosistem dan hidupan liar. Ini dapat dilihat juga di Taman Tasik Taiping, Singapura, Vietnam dan Kemboja. Negara-negara ini sangat melindungi pokok-pokok tua ini.

Di Petaling Jaya, banyak pokok-pokok yang ditanam di rizab jalan. Rizab jalan selalu menjadi isu apabila kita mahu melebarkan jalan. Selalunya projek pembangunan diluluskan berdasarkan rancangan struktur tempatan. Mengenai isu pemotongan pokok, Seksyen 17 adalah salah satu contoh isu yang hangat ini. Selain daripada itu, kerja-kerja turapan jalan di Jalan Gasing telah memusnahkan hutan. Kerja-kerja pelebaran jalan terpaksa memotong pokok di rizab jalan. Ini telah menimbulkan tanggapan negatif penduduk terhadap pihak Majlis. Oleh kerana itu, adalah penting agar orang ramai mengetahui apa yang dilakukan oleh pihak Majlis.

Polisi MBPJ adalah jelas di mana kita hendaklah mengurangkan pemotongan pokok. Jika perkara ini tidak dapat dielakkan, pihak Majlis harus memilih lokasi yang lain dan seterusnya menanam semula pokok ini. Jika pokok-pokok ini sakit, kita hendaklah memotong dan menanamnya semula. Mungkin dari sepuluh (10) batang pokok, beberapa pokok yang dialihkan dan ditanam semula akan mati. Oleh itu, di dalam usaha untuk mengubah lokasi dan menanam semula pokok, sudah tentu akan ada kos kepada pihak Majlis. Menyedari ini, adalah penting untuk kita merancang untuk mengekalkan pokok-pokok ini dan tidak memotong pokok-pokok ini sewenang-wenangnya. Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Landskap harus lebih terperinci mengenai pemotongan pokok. Jika pemotongan pokok melibatkan pemaju dan ada kos yang perlu ditanggung, pihak pemaju harus memaklumkan perkara ini kepada pihak Majlis. Negara-negara seperti Jepun, Amerika Syarikat dan United Kingdom, mereka sentiasa mengelakkan untuk memotong pokok. Menyedari ini, dokumentasi adalah sangat penting dan kita hendaklah berusaha untuk mengekalkan pokok-pokok ini.

YBhg. Datuk Pengerusi bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Encik Derek John Fernandez. MBPJ sememangnya prihatin mengenai isu pokok tua. Pihak Majlis hanya memotong pokok disebabkan kesihatan pokok dan perkara yang tidak dapat dielakkan. Pada masa ini, daripada 26 pokok tua, hanya tujuh belas (17) sahaja pokok tua yang telah dipotong. Pada masa ini, ada teknologi untuk memindahkan pokok. Walaubagaimanapun kos nya agak tinggi. Pemaju yang mempunyai kepakaran ini termasuklah SP Setia Sdn Bhd. Teknologi pemindahan pokok walaupun berjaya, ada juga pokok yang mati. Ini adalah disebabkan selepas dipotong dan ditanam semula akarnya menjadi tidak kuat menyebabkan pokok mudah tumbang.

YBhg. Datuk Pengerusi mengambil contoh pokok-pokok di Botanical Garden Singapore, bukan sahaja pokoknya cantik, malahan penyelenggaraannya hebat serta kemas. Selain daripada itu, tiada isu menghalang kenderaan ataupun jalan sebab dahan pokok nya ke atas dan bukan ke bawah seperti di Malaysia. Lawatan ke Botanical Garden Singapore, EXCO pernah mencadangkan tanaman tiga (3) lapis iaitu, *low (shrubs)*, medium dan pokok teduhan.

Akhir sekali, YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan isu kesesakan lalulintas dan pokok sememangnya penting apabila ada pelebaran jalan, pihak Majlis terpaksa mengorbankan pokok. YBhg. Datuk Pengerusi meminta agar Jabatan Landskap untuk membuat kajian sama ada pokok-pokok ini sihat atau tidak sihat. Pihak Jabatan diminta untuk memilih pokok-pokok yang betul-betul sesuai, selamat dan cantik. Selain dariapda itu, pihak Majlis harus menanam banyak pokok-pokok teduhan sebagaimana saranan kerajaan negeri.

UCAPAN PENANGGUHAN OLEH PUAN ERMEEMARIANA BT SAADON

7.2.1 PEMBERDAYAAN KOMUNIKASI MEMPERKASA KOMUNITI

Di dalam perbahasan mengenai Ahli-ahli Majlis pada 16 Julai 2020 sidang dewan yang lalu, KPI, peruntukan, karakter, pelbagai dan permasalahan di peringkat cabang-cabang dan bahagian majoriti Ahli Majlis adalah dari Pakatan Harapan yang terdiri daripada Keadilan, DAP dan Amanah. Ahli Majlis ini yang dipilih oleh parti melalui undian paling tinggi bekerja mewakili parti untuk menyelesaikan masalah rakyat. Jadi adalah tidak adil jika dikatakan Ahli Majlis hanya datang untuk mengambil elaun sahaja dan ada antaranya yang datang lambat ke mesyuarat. Selain daripada itu, dimaklumkan bahawa peruntukan yang diberikan kepada Ahli Majlis oleh pihak Majlis digunakan untuk rakyat, sekolah, penduduk sekitar, NGO dan juga menyokong program-program yang dijalankan oleh Jabatan-jabatan Majlis.

Ahli Majlis juga sentiasa menyokong ADUN dan Ahli Parlimen. Oleh kerana kebanyakan Ahli Majlis adalah generasi muda yang suka menggunakan media sosial untuk menyalurkan maklumat mengenai aktiviti dijalankan ada pihak yang salah anggap Ahli Majlis sebagai wakil rakyat. Selain daripada itu, ketokohan beberapa orang bekas Ahli Majlis juga tidak dinafikan di mana ada di antara mereka yang telah dipilih oleh penduduk sebagai wakil rakyat seperti YB Jamaliah binti Jamaludin, YB Halimey bin Abu Bakar dan YB Shatiri bin Mansor. Ini adalah disebabkan penduduk lebih kenal mereka.

MBPJ telah mencapai anugerah APPC dan ini dapat dikekalkan melalui komunikasi yang baik. Berbincang dan berdebat secara sihat dan masih boleh berkawan di antara satu dengan yang lain adalah satu contoh komunikasi yang baik. Beliau mengambil contoh maklumbalas dalam minit mesyuarat pasar yang terdapat kesilapan teknikal. Ini menunjukkan komunikasi melalui percakapan dan perbuatan merupakan sesuatu yang sangat penting.

Ke arah Norma Baharu dan ke arah gerak kerja yang lebih baik, komunikasi antara jabatan perlu diperbaiki. Selain daripada itu, Ahli Majlis bekerja secara berpasukan menyokong pihak Majlis. Ahli Majlis merupakan orang tengah antara orang ramai dan pihak Majlis. Di bawah kepimpinan Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar yang berpengalaman tinggi di peringkat kerajaan pada tahun akan dapat menaikkan imej Majlis bersama pegawai-pegawai sedia ada.

Mungkin selepas ini ada Ahli Majlis yang akan dikekalkan atau ditamatkan sebagai Ahli Majlis. Beliau berharap agar pihak Majlis dapat menghantar gerak kerja KPI Ahli Majlis kepada Menteri Besar untuk melihat betapa *perform* nya Ahli-ahli Majlis dalam menaikkan imej MBPJ. Sebagai mengakhiri ucapan beliau, beliau

SULIT

mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Datuk Pengerusi kerana memberi peluang kepada beliau untuk membuat ucapan penangguhan kali ini.

YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa penilaian Ahli Majlis dilakukan mengikut borang yang disediakan, beliau menambah bahawa apa yang dibahaskan di dewan adalah tanggapan peribadi seseorang di mana tidak semua Ahli Majlis tidak menjalankan tugas. Beliau berharap Ahli Majlis, ADUN

dan Ahli Parlimen mempunyai hubungan yang baik kerana mereka saling melengkapi di antara satu dengan yang lain. Walaubagaimanapun, peranan Ahli Majlis adalah berbeza dengan peranan ADUN.

Ahli Majlis berkerja untuk Majlis dan mereka perlu ada keupayaan untuk menerangkan dasar dan polisi-polisi Majlis kepada penduduk. Selain daripada itu, Ahli Majlis harus bijak mengendalikan isu diperingkat bawahan dan menyelesaikannya melalui komunikasi.

Akhir sekali YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran ahli mesyuarat. YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidiladha kepada yang menyambutnya dan sama-samalah 'Kita Jaga Kita'. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.40 tengahari.



(HJH. AZLINDA BINTI AZMAN, SIS, PPT),
Setiausaha,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 1 Ogos 2020.

LAMPIRAN KEHADIRAN**HADIR:**

01. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, D.P.M.S., S.M.S.,
Datuk Bandar, MBPJ. - Pengerusi
02. Puan Hjh. Azlinda binti Azman, S.I.S., P.P.T.,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Zamri bin Mohamad,
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Ong Swee Long,
Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Wong Swee Sang,
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Puan Ermeemarianna binti Saadon,
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Anwar bin Nekhan,
Ahli Majlis, MBPJ.

SULIT

15. Encik Chan Pak Keung,
Ahli Majlis, MBPJ.

16. Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.

17. Encik Leong Chee Cheng,
Ahli Majlis, MBPJ.

18. Encik Loyis Anak Uding,
Ahli Majlis, MBPJ.

19. Encik Ong Yew Thai,
Ahli Majlis, MBPJ.

20. Puan Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar,
Ahli Majlis, MBPJ.

21. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy,
Ahli Majlis, MBPJ.

22. Encik Farhan Haziq bin Mohamed,
Ahli Majlis, MBPJ.

23. Puan Sakinah Bibi Nagoor,
Ahli Majlis, MBPJ.

24. Puan Rahibah binti Che Omar,
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.

02. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, A.M.S., P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan,

03. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

04. Tuan Ir. Haji Ismail bin Shafie, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M.,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.

SULIT

06. Encik Aznan bin Hj. Hassan, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Tuan Dr. LAr. Badruzaman bin Jaafar,
Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Puan Mahzura binti Mohd Amin,
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Ruzaida binti Tormodi,
Wakil Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Encik Ahmad Iskandar Bin Mohamad Mukhtar,
Wakil Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K.,
Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
17. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy,
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
18. Puan Tee Tzu Fong,
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.

SULIT

URUSETIA :

01. Puan Zaharah binti Rustam,
Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Pengurusan Aset dan Bekalan,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.